

**L**ABUAN: Mahasiswa Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) bukan sajalah perlu cemerlang di dalam akademik, tetapi juga berkualiti dan berkemahiran untuk menjadi peneraju kerjaya dan pengurusan organisasi pada masa depan.

Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Shariff Abdul Kadir Omang, berkata sebagai individu yang memiliki keputusan yang baik dalam peperiksaan awam sebelum ini, mahasiswa wajar meneruskan kecemerlangan itu ketika berada di menara gading dan alam pekerjaan kelak.

Justeru, beliau mahu mahasiswa berusaha lebih gigih untuk menimba pelbagai ilmu pengetahuan dalam semua bidang termasuk program yang mereka pelajari ketika menuntut di universiti.

"Selain cemerlang dalam bidang akademik, mahasiswa seharusnya memiliki pelbagai ilmu pengetahuan, berkualiti dan mahir dalam semua bidang bagi mem-

# Mahasiswa UMS-KAL digesa berkualiti

BH 18/4/2011 P 4

bantu mereka memperoleh pekerjaan yang baik kelak," katanya ketika merasmikan Minggu Kerjaya anjuran Persatuan Rakan Siswa (PRS) di ruang legar, Bangunan Menara UMS-KAL, di sini.

Turut hadir, Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Dr Ag Asri Ibrahim, Pegawai Psikologi di Unit Bimbingan Kaunseling dan Kerjaya, Nur Iman Reedzal dan Pengarah Program, Nur Azureen Mohd Anuar.

Pelbagai program diadakan termasuk pameran dan ceramah kerjaya oleh jabatan dan agensi kerajaan dan sektor swasta serta kempen derma darah.

Jabatan dan agensi kerajaan serta sektor swasta yang turut menjayakan program itu, antaranya Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA); Jabatan Tenaga Kerja (JTR); Hospital Labuan; Jabatan Perangkaan Malaysia, dan Institut Latihan Perindustri-



AZRI DINI | BERITA HARIAN

AHLI Parlimen Labuan, Datuk Yussof Mahal bergambar kenangan bersama mahasiswa UMS-KAL selepas seni senam 1Malaysia di pekarangan universiti itu, baru-baru ini.

“Mahasiswa perlu merebut peluang kerjaya yang wujud dan sentiasa memperbaiki diri ke arah dunia kerjaya”

**Shariff Abdul  
Kadir Omang**  
Pengarah UMS-KAL

an Labuan.

Shariff yakin menerusi minggu kerjaya itu, mahasiswa akan mendapat manfaat dari segi perancangan kerjaya yang lebih jelas, persediaan diri, berkomunikasi dan berhadapan dengan bakal majikan.

"Mahasiswa perlu merebut peluang kerjaya yang wujud dan sentiasa memperbaiki diri ke arah dunia kerjaya bermula sebelum tamatnya pengajian di UMS-KAL ini," katanya.